

27 MAR 2001

Sabah-Chong

CHONG JANJI PASUKANNYA AKAN BEKERJA KERAS

KOTA KINABALU, 27 Mac (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah yang baru Datuk Chong Kah Kiat berazam untuk bekerja keras demi kebaikan rakyat negeri itu.

Chong, yang mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri Sabah hari ini bagi menggantikan Datuk Osu Sukam mengikut sistem penggiliran jawatan, berkata beliau percaya bahawa kerja keras adalah teras bagi menghasilkan pentadbiran yang berjaya.

"Rakyat akan membuat penilaian...(tetapi) saya percaya dengan kegigihan bekerja dan prestasi, saya mahu pasukan yang bekerja dengan gigih supaya tidak menghampakan rakyat Sabah," katanya pada sidang media selepas mengumumkan potfolio kabinet barunya.

Beliau berkata demikian apabila ditanya pemberita bagaimana beliau akan mengatasi masalah "lame duck chief ministers" atau ketua menteri kurang berkesan yang dikaitkan dengan sistem penggiliran yang diamalkan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata antara kelemahan sistem itu ialah ia telah menyebabkan ketua-ketua menteri yang dilantik kurang berkesan.

"Rakyat tidak berapa peduli dengan apa yang dilakukan olehnya (Ketua Menteri) kerana mereka hanya menunggu dia diganti oleh orang lain," kata Dr Mahathir semasa mengulas mengenai sistem itu.

Chong berkata beliau berharap dalam tempoh dua tahun ini, semua pihak samada menteri, timbalan menteri atau siapa yang terlibat dengan pentadbiran akan bekerja sebagai satu pasukan.

Presiden Parti Demokrasi Liberal (LDP) itu bagaimanapun berkata beliau menyerahkan kepada rakyat untuk menilai prestasinya.

"Hanya masa yang akan menentukan samada kita akan berjaya," katanya.

Chong juga berkata beliau telah menerima surat perlantikan sebagai pengerusi Barisan Nasional (BN) Sabah.

Mengenai dakwaan ada terdapat cubaan pada saat-saat akhir malam tadi untuk menggagalkan majlis angkat sumpah hari ini, Chong berkata: "...majlis itu berjalan lancar dan semua wakil rakyat Barisan Nasional telah memberikan sokongan."

Beliau yang enggan mengulas lanjut berkata dalam tempoh dua hari lepas, beliau terlalu sibuk menyusun kabinetnya.

Chong juga berkata kekosongan beberapa jawatan kanan seperti Pengarah Yayasan Sabah akan diisi dengan secepat mungkin.

-- BERNAMA

JS MOZ